



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-31/2/12 JLD 7 (9D)
Tarikh : 15 April 2019

SEMUA INDUSTRI MAKANAN DAN MINUMAN YANG BERKENAAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN KRITERIA NUTRIEN BARU BAGI INISIATIF LOGO PILIHAN LEBIH SIHAT (*HEALTHIER CHOICE LOGO*, HCL) MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, kriteria nutrien Logo Pilihan Lebih Sihat (*Healthier Choice Logo*, HCL) Malaysia telah dimuktamadkan dan telah dimaklumkan kepada pihak industri melalui Sesi Taklimat Pelaksanaan Kriteria Nutrien Baru Logo Pilihan Lebih Sihat Malaysia yang telah diadakan pada 19 Mac 2019 (Rabu). Ianya juga telah dimuat naik ke portal Bahagian Pemakanan di pautan <http://nutrition.moh.gov.my> untuk perhatian dan rujukan semua.

3. Sehubungan itu, pihak Bahagian Pemakanan ingin memaklumkan bahawa semua permohonan pengesahan penggunaan Logo HCL berpandukan kriteria nutrien lama tidak akan diterima dan diproses bermula 1 April 2019. Walau bagaimanapun, bagi pihak industri yang ingin memohon pengesahan penggunaan Logo HCL berpandukan kriteria nutrien baru HCL, penghantaran dokumen-dokumen berikut kepada pihak Sekretariat HCL di Bahagian Pemakanan adalah diperlukan:

- i. *Application Form for Healthier Choice Logo Malaysia* (MHCL-1 & MHCL-2)
- ii. *Certificate of Analysis* (COA)
- iii. Label produk yang memenuhi syarat-syarat terkini

4. Sekiranya YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila berhubung dengan pegawai saya, Puan Fatimah Sulong di talian 03-8892 4405; emel ke fatimahsulong@moh.gov.my atau Encik Leong Han Yin di talian 03-8892 4474; emel ke l.hanyin@moh.gov.my.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZALMA ABDUL RAZAK

Pengarah

Bahagian Pemakanan

Kementerian Kesihatan Malaysia

- s.k - Encik Zaky Moh
Pengarah Kanan
SME Corporation Malaysia (SME Corp)
- Puan Julyskristin Anak Poly
Manager
SME Corporation Malaysia (SME Corp)
- Encik Wong Choon Seng
Chairman, Scientific & Technical Committee
FMM MAFMAG
- Cik Nor Aini Abdullah
Executive
Federation of Malaysia Manufacturers

Sukacita
mendapat
kerjasama untuk
memaklumkan
perkara ini kepada
agensi-agensi
yang berkenaan